

# Ikan bandaraya boleh dijadikan palet makanan

BH 10/06/24 M/s 16

**Bangi:** Ikan bandaraya atau *Hypostomus plecostomus* menjadi spesies invasif paling dominan di sekitar sungai di Lembah Klang kerana sifatnya yang sukar dimusnahkan.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Izham Hashim, berkata hampir semua sungai di Lembah Klang termasuk tasik dan lombong kini terjejas dengan kebanjiran spesies itu termasuk Sungai Klang, Sungai Langat dan Sungai Selangor.

Beliau berkata, ikan ini pada asalnya diternak dalam akuarium untuk membersihkan kotoran tetapi apabila menjadi besar ia dilepaskan ke dalam sungai.

“Memang dia lepaskan sekali, tapi kalau ribuan orang yang berbuat seperti itu, ia jadi banyak dan cepat membiak. Memang kita hadapi masalah sangat besar.”

“Ikan ini akan menebuk lubang di tepi tebing sungai untuk bertelur dan sebagainya menyebabkan tebing sungai terhakis dan runtuh,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat-Memburu Ikan Asing Bersama Komuniti di Denai Sungai Kebangsaan, semalam.



Izham (tengah) melihat ikan bandaraya yang berjaya ditangkap pada Program Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat-Memburu Ikan Asing Bersama Komuniti di Denai Sungai Kebangsaan, di Bangi, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Perikanan Selangor, Noraisyah Abu Bakar dan Pengasas Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya, Mohamad Haziq A Rahman.

Pada program bermula jam 7 sehingga 11.30 pagi itu, 737 kilogram (kg) ikan bandaraya berjaya ditangkap.

Menerusi program itu juga 10,000 benih ikan lampam dile-

pasakan ke Sungai Langat.

Izham berkata, kerajaan kini dalam perancangan membantu dari segi tempat pemprosesan ikan itu selepas ia ditangkap untuk dibuat palet.

“Mungkin kita boleh sediakan tempat lebih tetap untuk proses (ikan ditangkap). Kita tangkap, proses, hancurkan dan dibuat makanan ikan.”

“Kita buat palet untuk dijual dan harganya 30 peratus lebih murah daripada harga pasaran makanan ikan. Ini satu petanda baik yang boleh dijadikan sumber untuk alternatif.”

“Kita juga akan beri insentif kepada mereka yang menghantar ikan itu. Kita sedang tengok semua ini,” katanya.

Ditanya aspek penguatkuasa-

an, Izham berkata, pihaknya kini sedang dalam proses pemurnian undang-undang.

“Ia sudah dibawa ke mesyuarat EXCO dan sedang dilihat oleh kamar undang-undang. Tahun ini juga kita akan selesaikan.”

“Isu ini juga membabitkan pelesenan tempat ternakan ikan seperti bagaimana pelepasan dalam sungai,” katanya.